

D.R. 7/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2008.

Pindaan seksyen 1A

2. Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 1A dengan memasukkan selepas takrif "persaraan" takrif yang berikut:

' "Pesuruhjaya Kehakiman" ertinya seseorang yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa di bawah Perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan;'

Seksyen baru 7A

3. (1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

"Tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman

7A. (1) Bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran seseorang Hakim di bawah Akta ini, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik sebelum pelantikannya

sebagai Hakim hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim.

(2) Bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran seseorang Hakim, jika apa-apa pencen atau ganjaran sudah dibayar kepada Hakim itu di bawah mana-mana undang-undang lain bagi tempoh yang sama dengan tempoh yang hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim di bawah subsekyen (1), pencen dan ganjarannya di bawah Akta ini hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang sudah dibayar sedemikian."

(2) Pindaan dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai hanya berkenaan dengan tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman bagi Hakim yang masih dalam perkhidmatan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

Pindaan seksyen 19A

4. Seksyen 19A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman di bawah Perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan" dengan perkataan "Pesuruhjaya Kehakiman".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 ("Akta 45") dengan tujuan utama untuk membolehkan tempoh perkhidmatan seseorang Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa yang dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi diambil kira bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran yang kena dibayar kepadanya apabila dia bersara sebagai Hakim.

2. Pesuruhjaya Kehakiman dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan urusan Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak segera diselesaikan. Apabila mereka dilantik untuk berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa, mereka melaksanakan fungsi yang sama, mempunyai kuasa yang sama dan menikmati kekebalan yang sama seperti Hakim Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, jika seseorang Pesuruhjaya Kehakiman dilantik menjadi Hakim, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman tidak diambil kira dalam penghitungan pencen dan ganjaran yang kena dibayar kepadanya apabila dia bersara sebagai Hakim.

3. Memandangkan bahawa fungsi yang dilaksanakan oleh Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa adalah sama dengan fungsi yang dijalankan oleh seseorang Hakim, maka wajarlah, jika Pesuruhjaya Kehakiman itu kemudiannya dilantik menjadi Hakim, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman itu diiktiraf dalam penghitungan pencen dan ganjarannya sebagai Hakim. Oleh itu, dicadangkan dalam *fasal 3* Rang Undang-Undang ini supaya seksyen baru 7A yang memberi pengiktirafan sedemikian dimasukkan ke dalam Akta 45.

Bagi Pesuruhjaya Kehakiman yang berkhidmat atas sifat itu melalui pertukaran sementara daripada perkhidmatan awam dan sudah dibayar pencen dan ganjaran sebagai pegawai awam bagi tempoh perkhidmatan itu, seksyen baru 7A yang dicadangkan itu juga memperuntukkan bahawa jumlah pencen dan ganjaran yang kena dibayar pada akhir tempoh perkhidmatan mereka sebagai Hakim hendaklah dikurangkan sebanyak amaun pencen dan ganjaran yang sudah dibayar sedemikian. Ini adalah untuk mengelakkan pembayaran berganda bagi pencen dan ganjaran kepada mereka bagi tempoh perkhidmatan yang sama.

Juga dicadangkan supaya seksyen baru 7A itu hanya terpakai bagi tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman seseorang Hakim yang masih dalam perkhidmatan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta pindaan yang dicadangkan ini.

4. Pindaan kepada seksyen 1A Akta 45 sebagaimana yang dicadangkan dalam *fasal 2* Rang Undang-Undang ini melibatkan kemasukan takrif bagi istilah "Pesuruhjaya Kehakiman", untuk memudahkan pentafsiran istilah itu memandangkan penggunaan istilah itu dalam seksyen baru 7A yang dicadangkan.

5. Pindaan seksyen 19A Akta 45 seperti yang dicadangkan dalam *fasal 4* merupakan pindaan yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 2*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U³)2626]